

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NASIONAL

MMA gesa benarkan SPRM siasat kes tuntutan palsu PERKESO

Kuala Lumpur: Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menegaskan integriti sistem penjagaan kesihatan sangat penting dan sebarang penyalahgunaan kepercayaan oleh pengamal perubatan adalah isu serius.

MMA dalam kenyataannya, semalam berkata, pihaknya gusar dengan laporan terbaru mengenai dakwaan tuntutan palsu Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) membabitkan profesional perubatan di Pulau Pinang.

"Sehubungan itu, MMA menggesa semua pihak untuk membenarkan pihak berkuasa, termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), menjalankan siasatan terhadap perkara ini.

"Adalah penting bahawa proses undang-undang diikuti bagi memastikan siasatan yang adil dan menyeluruh terhadap dakwaan ini," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Bagaimanapun katanya, semua pihak yang disoal siasat perlu dilayan dengan adil dan diberikan peluang untuk didengar dengan saksama.

Katanya, MMA juga menggesa supaya siasatan dijalankan dengan segera untuk mencegah atau mengurangkan gangguan dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan.

"MMA berdiri teguh menentang sebarang bentuk rasuah atau kelakuan tidak beretika dalam profesion perubatan.

"Kami akan memberikan sokongan penuh kepada pihak berkuasa dalam usaha mereka untuk menegakkan undang-undang dan melindungi kepercayaan awam terhadap sistem penjagaan kesihatan," katanya.

Pada Julai lalu, Ahli Dewan Negara, Dr R A Lingeshwaran menggesa Kementerian Sumber Manusia menjelaskan dakwaan beberapa doktor yang mengendalikan tuntutan hilang upaya PERKESO digantung, dikaitkan dengan kartel memalsukan permohonan sedemikian.

Lingeshwaran memaklumkan Dewan Negara, mereka digantung sehingga diberitahu kelak selepas PERKESO mendapat tahu mengenai kegiatan itu di sebuah hospital di Pulau Pinang.

Beliau yang juga bekas Pengarah Hospital Sungai Bakap di Pulau Pinang berkata, beliau difahamkan kartel sedang melobi supaya doktor yang digantung itu kembali bertugas di hospital sama.

Beliau mendakwa terdapat 683 pengeluaran palsu dari 2018 hingga 2022 membabitkan kira-kira RM43 juta, yang mana 16 membabitkan seorang doktor tertentu yang perkhidmatannya ditamatkan selepas kegiatan terbongkar.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : LOKAL

Harian Metro | Selasa 10.09.2024

@hmetromy | HarianMetro | @hmetromy | www.hmetro.com.my 9

lokal

Drebar ambulans, jururawat parah rempuh belakang treler

Sri Aman: Seorang jururawat dan pemandu ambulans Hospital Betong cedera parah selepas merempuh belakang treler yang diparkir di bahu jalan di Kilometer 46, Jalan Sri Aman-Sarikei pagi semalam.

Ketua Polis Daerah Sri

Aman Deputy Superintendan Mathew Manggie berkata dalam kejadian yang dilaporkan kira-kira jam 6 pagi itu, jururawat berusia 42 tahun mengalami retak bahagian muka, patah tangan dan kaki kiri manakala pemandu ambulans yang berusia 45 tahun

mengalami kecederaan dalaman.

Katanya kejadian berlaku ketika kedua-dua mangsa dalam perjalanan balik ke Hospital Betong selepas menghantar pesakit ke Hospital Umum Sarawak (HUS).

"Kemalangan memba-

bitkan sebuah treler yang rosak dan diparkir di bahu jalan serta telah meletakkan segi tiga pada jarak 50 meter dari belakang treler berkenaan dan lampu kecemasan juga dipasang.

"Tiba-tiba treler terbabit dilanggar di sebelah kanan bahagian belakang oleh

ambulans Hospital Betong yang dalam perjalanan balik selepas menghantar pesakit ke Hospital Umum Sarawak," katanya, semalam.

Katanya keadaan jalan adalah lurus, sehala dua Lorong dan jalan tengah bertanda.

Mathew berkata kedua-dua mangsa telah dibawa ke Hospital Sri Aman.

Manakala, katanya pemandu treler terbabit ditahan dan dibawa ke Balai Trafik IPD Sri Aman untuk siasatan lanjut di bawah Seksyen 43(1) APJ 1987.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : DALAM NEGERI

Pelajar sekolah sanggup bayar ansuran beli vape

Oleh YATIMIN ABDULLAH
yatimin.abdullah@mediamulla.com.my

KOTA BHARU: Sikap ingin mencuba dan pengaruh rakan sebaya serta tawaran membayar secara ansuran mendorong pelajar sekolah menengah untuk membeli rokok elektronik atau *vape*.

Bayaran sebanyak RM1 sehari yang ditawarkan oleh orang tengah membuatkan para pelajar menjadi 'mabuk' untuk memiliki peralatan elektronik itu, terutama jenis pakai buang atau *disposable pod*.

Seorang pelajar yang ingin dikenali sebagai Zul, 16, mengakui bayaran ansuran itu menarik perhatian untuk memilikinya.

Menurutnya, harga rokok elektronik pakai buang itu dijual bermula RM12 dan ke atas bergantung kepada jumlah sedutan.

"Setiap hari saya akan menyimpan RM1 daripada wang saku bagi membuat bayaran rokok elektronik tersebut. Cara ini sama sekali tidak membebankan saya untuk membuat bayaran.

"Saya mula terjebak dengan *vape* ketika berusia 14 tahun selepas diberikan oleh rakan untuk



SEBAHAGIAN daripada vape pakai buang yang sering dibeli pelajar sekolah kerana harga yang rendah. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

mencuba," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Zul memberitahu, pilihan perisa yang pelbagai dan banyak membuatkan para pelajar tertarik untuk menghisap rokok elektronik.

Katanya, bentuk *vape* yang lebih kecil dan seakan-akan alat pemacu serta pen memudahkan ia disimpan sekali gus mengelakkan dikesan oleh ibu bapa.

"Rokok elektronik jenis pakai buang ini menawarkan tiga pilihan iaitu 1,000 (sedutan), 3,000 dan 5,000," ujarnya.

Utusan Malaysia sebelum ini melaporkan, separuh daripada 15,000 pelajar sekolah rendah dan menengah di lima negeri termasuk 2,000 perempuan dikenali ketagih *vape*.

Tinjauan selama tiga tahun dari 2021 oleh Persatuan Peng-

guna Pulau Pinang (CAP) terhadap 15,000 pelajar sekolah di Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mendapati 8,000 daripada mereka menghisap *vape*.

Dalam pada itu, seorang lagi pelajar yang mahu dikenali sebagai Lie, 17, pula, berkata, dia sanggup ikat perut semata-mata mahu membeli rokok elektronik

menggunakan wang saku yang diberikan oleh ibu bapa.

"Asalnya saya belajar merokok dengan jenama yang terkenal disebabkan kawan-kawan beritahu rasanya sedap selain nampak bergaya. Namun disebabkan harganya yang mencecah belasan ringgit sekotak saya beralih kepada rokok elektronik.

"Memang betul, rasa rokok elektronik lebih sedap kerana banyak pilihan perisa. Apa yang penting, bentuknya seolah-olah pemacu pena berjaya mengaburi mata ibu bapa saya," katanya.

Ujarnya, dia mula beralih kepada rokok elektronik sejak setahun lalu dan kini menjadi perokok tegar walaupun masih muda.

Sementara itu, seorang pelajar perempuan yang mahu dikenali sebagai Lia, 16, berkata, dia mula mengenali rokok elektronik selepas terpengaruh dengan rakan-rakan membeli alat elektronik itu secara ansuran.

"Mula-mula saya sekadar mencuba secara suka-suka, lama-lama ketagih. Bagi meredakan ketagihan saya membeli alat tersebut secara ansuran guna duit belanja sekolah," ujarnya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : DALAM NEGERI

Mydin mengaku salah, didenda RM20,000

KUALA LUMPUR: Sebuah pasar raya didenda RM20,000 oleh Mahkamah Majistret di sini hari ini atas dua pertuduhan menjual kosmetik bukan bernotifikasi, tahun lalu.

Majistret Farah Nabihah Muhammad Din menjatuhkan hukuman itu terhadap Mydin Mohamed Holdings Berhad yang diwakili oleh Raja Azlan Raja Ismail, 40, dan Roslizan Mohd. Zin, 50, selaku Orang Kena Saman (OKS) selepas mereka mengaku bersalah atas kedua-dua pertuduhan itu.

Mengikut pertuduhan pertama dan kedua, OKS didakwa menjual ubat gigi kank-kanak sebanyak 209 kotak dan 23 set kosmetik bukan bernotifikasi di salah sebuah premis Mydin Mohamed Holdings Bhd. di sini pada pukul 11 pagi, 18 Julai 2023.

Pertuduhan dibuat di bawah Peraturan 18A(15) Peraturan yang sama dan boleh dihukum di bawah Seksyen 12(2) Akta Jualan Dadah 1952 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM50,000 bagi kesalahan kali pertama dan tidak melebihi RM100,000 bagi kesalahan kedua dan berikutnya.

Pendakwaan dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa dari Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Siti Nur Sarahidah Jayatan manakala kedua-dua OKS tidak diwakili peguam.

"Pihak OKS sepatutnya menjual barang yang bernotifikasi kerana melibatkan alat penjagaan diri untuk kanak-kanak.

"Walaupun OKS mengaku salah, siasatan pihak pendakwaan juga perlu diambil kira kerana pada tahun 2022 pernah didenda RM8,000 atas kesalahan yang sama," kata Siti Nur Sarahidah.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : DALAM NEGERI

Rencana

Utusan Malaysia
SELASA • 10 SEPTEMBER 2024

14

Perkukuh undang-undang elak pelajar terjebak vape

MUKADIMAH

GEJALA vape dan e-rokok dalam kalangan rakyat negara ini bukan lagi isu baharu, malah produk itu telah menular dalam kalangan remaja di sekolah dan dibimbangi menjadi satu budaya yang memudaratkan mereka.

Menerusi hasil tinjauan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) selama tiga tahun terhadap 15,000 pelajar sekolah rendah dan menengah di Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Selangor dan Kuala Lumpur, mendapati 8,000 dengan 2,000 daripada mereka merupakan perempuan mengaku menghisap vape.

Kepada wartawan *Utusan Malaysia* di George Town, **SAFINA RAMLI** dibantu jurugambar, **IQBAL HAMDAN**, Pegawai Penyelidik dan Pendidikan CAP, **N.V. SUBBAROW** melahirkan kebimbangan dengan ketagihan nikotin dalam kalangan remaja terutama golongan pelajar yang akan membawa mudarat dari segi kesihatan mental mahupun fizikal jika tiada kawalan daripada kerajaan.

UTUSAN: Sejak bila berlaku peningkatan remaja yang terlibat dalam vape dan e-rokok?

SUBBAROW: Saya mulakan dulu dengan sejarah saya di CAP yang terlibat dengan kempen antimerokek ini sejak 30 tahun lalu. Pada 1970-an hingga 1980-an, kita melihat hanya golongan lelaki menghisap rokok, namun kemudian pada 1990-an, wanita pula terjebak dalam gejala merokok kerana pengaruh iklan dan mahu dilihat sama dengan lelaki.

Selepas itu, sekitar 1990-an, wujudnya banyak bar dan kelab malam, di situ bermulanya gejala merokok berkembang pesat tanpa mengira wanita atau lelaki, semuanya akan merokok.

Kemudian, 10 tahun lalu, syarikat-syarikat rokok melihat adanya keperluan untuk mencari pelanggan baharu dan di sinilah bermulanya e-rokok dan kira-kira lima tahun lepas, vape muncul di pasaran.

Malah, menurut maklumat daripada Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO), vape kini mempunyai lebih 16,000 perisa dan lebih membimbangkan, CAP telah melakukan tinjauan ke atas 15,000 orang pelajar di Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Selangor mendapati 8,000 dengan 2,000 daripada mereka adalah pelajar perempuan mengaku menghisap vape-ataupun e-rokok yang kandungan nikotinnya sangat bahaya kepada kesihatan.

Apakah sebab vape lebih mudah mempengaruhi golongan remaja termasuk pelajar?

Vape atau e-rokok mudah untuk diperolehi. Sekarang ini



LAMBAKAN vape dan e-rokok di pasaran tanpa penguatkuasaan undang-undang ketat menyebabkan budaya tidak sihat mempengaruhi gaya hidup anak muda.

kita dapati beli vape sudah jadi macam beli aiskrim di kedai-kedai runcit. Tinjauan CAP mendapati vape amat mudah dibeli tanpa kawalan daripada mana-mana pihak.

Pelajar yang masih muda pun dapat beli vape. Vape memang tiada kawalan daripada sesiapa pun, malah tiada akta yang menghalang penjualannya kepada orang ramai termasuk golongan remaja.

Tambahan pula vape tidak lagi berbau busuk seperti rokok tradisional yang mengandungi tembakau. Vape yang mempunyai pelbagai perisa buah-buahan amat mudah menarik perhatian remaja termasuk perempuan.

Saya sendiri menjalankan

tinjauan rambang di beberapa buah pasar raya terkemuka di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur. Daripada 10 remaja yang saya temui, lapan daripadanya mengaku menghisap vape, malah mereka tanpa segan silu menghisap vape di depan orang ramai.

Apa alasan mereka?

Golongan remaja adalah yang paling mudah terpicak dengan vape kerana pengaruh rakan sebaya dan juga ada dalam kalangan mereka tinggal dengan keluarga yang menghisap rokok atau vape.

Jadi, mereka tidak dapat membezakan bahawa menghisap vape adalah salah dan berbahaya kepada kesihatan mental dan fizikal

kerana sejak kecil melihat ibu atau bapa merokok sama ada rokok tradisional, e-rokok atau vape.

Daripada tinjauan CAP, kami dapati golongan remaja yang tinggal dengan ahli keluarga yang merokok akan menjadi perokok atau penghisap vape juga.

Mereka tidak sedar tentang bahaya nikotin terhadap diri sendiri kerana vape sekarang mempunyai pelbagai perisa. Ada penghisap vape wanita yang memberitahu kami bahawa dia menghisap vape kerana suka dengan bau buah dan vape juga tidak menjadikan dirinya berbau busuk seperti menghisap rokok tradisional.

Apabila saya tanya kepada

orang muda, jelas mereka beritahu menghisap vape tidak melanggar undang-undang negara pada masa ini.

Ada juga guru sekolah yang memaklumkan kepada CAP bahawa tandas di sekolah tidak lagi berbau tembakau, namun berbau asap vape dengan pelbagai perisa. Itu menunjukkan betapa meruncing gejala vape pada masa ini.

Guru-guru sekolah pun ada menyatakan kebimbangan kepada CAP selepas nikotin dikeluarkan daripada Akta Racun 1952 kerana pelajar terdedah kepada vape yang mempunyai nikotin di dalamnya.

Saranan CAP kepada kerajaan agar gejala vape dapat dikawal daripada merebak kepada generasi muda?

Kuncinya adalah kerajaan. Pelbagai negara antaranya Singapura dan Thailand mengharamkan vape di negara mereka.

Namun, sebaliknya di Malaysia pula menjadi 'syurga' kepada penghisap vape. Di pusat bandar George Town sahaja, kedai-kedai vape tumbuh dengan pesat.

Kementerian Kesihatan tidak boleh mengawal penggunaan gel nikotin dalam vape sekiranya tiada undang-undang gantian diwujudkan selepas ia dikeluarkan daripada Akta Racun 1952.

Oleh itu, Dasar Generasi Penamat (GEG), iaitu salah satu perundangan perlu diluluskan segera bagi melindungi kesihatan awam. CAP menggesa kesemua ahli Parlimen menyokong GEG bagi memastikan generasi masa depan tidak dirosakkan dengan nikotin tanpa kawalan.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NEWS / NATION

NewStraitsTimes • TUESDAY, SEPTEMBER 10, 2024

8

NEWS / Nation

CRITICAL CONDITION

AMBULANCE DRIVER, NURSE HURT IN CRASH

They hit lorry
parked by roadside
in Sarawak

KUALA LUMPUR

AN ambulance driver and a nurse are in critical condition after the ambulance they were in crashed into a lorry parked by the

side of a road in Sarawak.

Buletin TV3 reported that the accident occurred on Jalan Memaloi, Skrang, around 4.20am yesterday.

A Sarawak Fire and Rescue Department operations control centre spokesman said the department was alerted to the incident at 4.24am, and dispatched eight personnel from the Betong Fire and Rescue Station to the scene.

"Upon arrival, the operations



A firefighter next to the ambulance that crashed into a lorry parked by the side of Jalan Memaloi in Skrang, Sarawak, yesterday. PIC COURTESY OF FIRE AND RESCUE DEPARTMENT

commander reported that the crash involved a Health Ministry ambulance, which had crashed into the rear of a trailer parked by

the roadside.

"Two victims — a male (the driver) and a female (the passenger) — suffered severe injuries,"

he said. The ambulance driver was rushed to Sri Aman Hospital while the nurse was taken to Betong Hospital.